

PROGRAM KESELAMATAN KEBAKARAN UNTUK BAKAT PANGKALAN UDARA KUCHING

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2641-program-keselamatan-kebakaran-untuk-bakat-pangkalan-udara-kuching

KUCHING, 4 Nov 17 – Satu program keselamatan kebakaran telah dilaksanakan oleh pihak BOMBA PU Kuching dengan kerjasama BAKAT PU Kuching yang diadakan di Rumah Bakat AMQ Batu 10. Objektif utama program ini adalah untuk memberikan kesedaran berkenaan keselamatan serta meningkatkan kemahiran dalam aspek pencegahan kebakaran dan tindakan yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Turut hadir adalah Pengerusi BAKAT PU Kuching serta penghuni AMQ Kem Batu 10 dan AMQ Batu Kawa. Program ini dimulakan dengan syarahan dan seterusnya demonstrasi memadam api dengan menggunakan APAK serta pendedahan situasi memadam kebakaran melibatkan gas serta peralatan dapur.



